

BAB 6 : KESAN PENTADBIRAN BARAT TERHADAP EKONOMI DAN SOSIAL

BAHAGIAN A

1. Apakah matlamat British memperkenalkan sistem ekonomi moden di Tanah Melayu?

- | | |
|--------------------------|-----------------------------|
| A Menggalakkan pelaburan | C Mementingkan keuntungan |
| B Memajukan pengangkutan | D Memperbanyakkan pekerjaan |

2. Mengapakah ekonomi moden berikut memerlukan modal yang besar?

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">▪ Sektor perladangan▪ Sektor perlombongan |
|--|

- | | |
|----------------------------|-----------------------------------|
| A Menguasai harga pasaran | C Melindungi pasaran tempatan |
| B Mengimport barangan luar | D Meningkatkan proses pengeluaran |

3. British telah membuka lombong bijih timah bawah tanah yang terpanjang dan terdalam di dunia pada tahun 1888. Di manakah lokasi lombong bijih timah tersebut?

- | | |
|--------------------------|--------------------------|
| A Lembah kinta, Perak | C Ampang, Kuala Lumpur |
| B Lukut, Negeri Sembilan | D Sungai Lembing, Pahang |

4. Apakah kepentingan lokasi berikut di Sabah?

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">▪ Labuan▪ Sandakan▪ Silimpopon |
|--|

- | | |
|-------------------------------|---------------------------------|
| A Pusat pentadbiran kerajaan | C Pusat pengeluaran lada hitam |
| B Pusat petempatan buruh luar | D Pusat perlombongan arang batu |

5. Mengapakah British mengusahakan tanaman-tanaman berikut pada peringkat awal?

- Gambir
- Buah pala
- Lada hitam
- Kayu manis

- A Mendapat pasaran yang meluas
- B Harga yang tinggi di pasaran dunia

- C Mempunyai tenaga buruh yang ramai
- D Kemerosotan terhadap permintaan kopi

6. Apakah produk yang boleh dihasilkan daripada pokok rumbia yang terdapat di Sarawak?

- A Sagu
- B Santan

- C Bijirin
- D Kerepek

7. Antimoni yang dilombong di Bau, Sarawak telah dipasarkan ke negara luar. Apakah negara tersebut?

- A Jepun
- B Belanda

- C Sri Lanka
- D Singapura

8. Dinasti Brooke telah membawa buruh dari luar untuk bekerja di ladang getah. Siapakah buruh luar tersebut?

- A Orang Cina
- B Orang India

- C Orang Jawa
- D Orang Banjar

9. Akta Tanah Simpanan Melayu telah diluluskan pada tahun 1913 di negeri-negeri Melayu. Siapakah yang berkuasa meluluskan mana-mana tanah sebagai Tanah Simpanan Melayu?

- A Sultan
- B Residen

- C Pegawai Daerah
- D Pesuruhjaya British

10. Undang-undang tanah berikut telah diperkenalkan oleh British.

Apakah persamaan di antara undang-undang tersebut?

- Land Order
- Land Settlement Order
- Akta Tanah Simpanan Melayu

- A Menjaga tanah hak milik peribumi
- B Melindungi kepentingan ekonomi British
- C Menggalakkan pembukaan tanah pertanian
- D Mengelakkan penjualan tanah milik peribumi

11. Maklumat berikut berkaitan dengan cara kemasukan buruh dari luar ke Tanah Melayu pada kurun ke-19.

- Sistem Kontrak
- Sistem Kangani

Mengapakah sistem tersebut dipilih oleh buruh dari luar?

- A Keselamatan dijamin oleh pihak berkuasa
- B Latihan kemahiran disediakan oleh kerajaan
- C Tambang pengangkutan dibayar oleh majikan
- D Tempat penginapan disediakan oleh agensi yang dilantik

12. Mengapakah institusi tersebut ditubuhkan oleh British?

Tahun	Peristiwa
1897	British menubuhkan Lembaga Pesuruhjaya Wang di bawah Ordinan XIII

- A Melicinkan urusan kewangan
- B Mengeluarkan mata wang kertas
- C Menghapuskan mata wang tradisional
- D Menyediakan pinjaman kepada pemodal

13. Apakah kesan kemajuan sistem pengangkutan berikut terhadap Tanah Melayu?

- Pembinaan jalan raya
- Pembinaan jalan keretapi

- A Pembinaan pusat pentadbiran
- B Pengenalan tanaman komersil
- C Penguasaan ekonomi penjajah
- D Penghijrahan penduduk tempatan

14. Terdapat banyak jalan raya pendek yang tidak berturap dibina di Sarawak.

Apakah faktor yang menghalang pembinaan jalan raya di negeri tersebut?

- A Kejadian gempa bumi
- B Kekurangan jumlah penduduk
- C Ditentang oleh masyarakat peribumi
- D Bentuk muka bumi yang tidak sesuai

15. Mengapakah perkhidmatan telekomunikasi diperkenalkan di Sarawak pada abad ke-19?

- A Memajukan pertanian
- B Melicinkan pentadbiran
- C Menggalakkan perpaduan
- D Menjalankan perdagangan

16. Pelabuhan-pelabuhan moden berikut telah dibina di negeri-negeri Melayu.

- Port Weld
- Port Dickson
- Port Swettenham

Apakah faedah yang diperoleh daripada pembinaan pelabuhan-pelabuhan moden tersebut?

- A Meningkatkan pengeksporan bijih timah
- B Menggalakkan perhubungan antara negara luar
- C Memudahkan pengangkutan tenaga kerja dari luar
- D Memulakan perkhidmatan mengangkut penumpang

17. Apakah faktor yang membawa kepada kemajuan bandar Miri, Sarawak sejak dari tahun 1840-an?

- A Pertanian dagangan
- B Perusahaan bijih timah
- C Perlombongan petroleum
- D Perdagangan antarabangsa

18. Apakah ciri-ciri masyarakat berbilang kaum di Tanah Melayu?

- I Pengasingan sosial dan budaya
- II Perpaduan antara kaum tercapai
- III Peningkatan taraf hidup penduduk
- IV Perbezaan Pendidikan dan pekerjaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19. Manakah yang berkaitan dengan sekolah vernakular Melayu pada akhir abad ke-19?

- A Dinaungi golongan pembesar
- B Ditadbir oleh golongan ulama
- C Terbuka kepada semua golongan
- D Pendidikan hanya terhad di peringkat rendah

20. Mengapakah hospital berikut dibina di Sarawak?

Hospital Raja Brooke Memorial

- | | |
|--------------------------------|--------------------------------|
| A Tapak penempatan kusta | C Mengawal penyakit berjangkit |
| B Pusat penyelidikan kesihatan | D Mengurangkan kadar kematian |